

105

SOALAN NO: 45

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin]

TARIKH : 27 November 2017 (Isnin)

SOALAN : Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan pengeluaran hasil kelapa
dalam negara semakin berkurangan
sedangkan dari segi keuntungan per
hektar tanaman kelapa lebih dua kali
ganda menguntungkan. Apakah
insentif yang dilakukan oleh Kerajaan
bagi menggalakkan tanaman kelapa
dan adakah perlu tanaman kelapa ini
diletakkan di bawah MPIC.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan peka akan potensi industri kelapa sebagai sumber kekayaan baharu rakyat. Oleh itu, peruntukan sebanyak RM50 juta telah diluluskan bagi melaksanakan program pembangunan industri kelapa secara sistematik pada tahun 2018. Ianya akan merangkumi program peningkatan pengeluaran kelapa melibatkan dengan anggaran kawasan seluas 12,700 hektar dan pengeluaran sebanyak 600 juta biji pada tahun 2020. Pengeluaran benih kelapa varieti terpilih dengan anggaran 600,000 anak benih juga akan dihasilkan pada tahun 2020 bagi menampung pasaran tempatan.

Bantuan yang akan disalurkan adalah berbentuk *in kind* kepada petani dengan kadar maksimum RM20,000 per hektar untuk tempoh 4 tahun bagi projek tanam semula, RM5,500 per hektar untuk tempoh 3 tahun bagi projek pemulihan kawasan kelapa serta RM10,000 per hektar untuk projek integrasi kawasan kelapa dengan tanaman lain.

Sebelum ini terdapat cadangan bahawa industri kelapa diletakkan di bawah entiti baharu dan menjadi sebahagian daripada komoditi utama negara. Walau bagaimanapun, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 20 September 2017, mesyuarat bersetuju agar pembangunan industri kelapa ini akan terus digalas oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui jabatan dan agensinya.